

Newspaper	Berita Harian
Date	24/4/2014

2 NASIONAL

KHAMIS 24 APRIL 2014

BH



Najib dan Muhyiddin pada pelancaran PlatCOM Ventures Sdn Bhd di bangunan Perdana Putra di Putrajaya, semalam. Turut serta Mustapa (lima dari kanan). [FOTO BERNAMA]

# PlatCOM pemangkin inovasi dalam PKS

BH - 24/4/2014

» Model unik gabungkan amalan terbaik firma berjaya

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

**P**latCOM Ventures Sdn Bhd (PlatCOM), sebuah entiti baharu dilancarkan semalam yang berfungsi menggalakkan inovasi dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Syarikat hasil kerjasama Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp) berasaskan perkongsian awam-swasta itu adalah gabungan dua inisiatif negara, iaitu Peluang Perniagaan Inovasi (IBO) di bawah AIM dan Program Berimpak Tinggi 2 (HIP2)-

Platform Teknologi Pengkomersialan (TCP) Pelan Induk PKS (2012-2020) di bawah SME Corp.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika pelancarannya berkata, PlatCOM adalah model unik ciptaan AIM, SME Corp dan Bank Dunia yang menggabungkan amalan terbaik daripada contoh firma berjaya seperti Isis Innovation dari Universiti Oxford di United Kingdom (UK).

## Pertingkat kerjasama

Katanya, penyatuan program IBO dan HIP2-TCP akan meningkatkan kolaborasi pihak industri dan akademik selain pengkomersialan hak harta intelek di negara ini yang akan diterajui PlatCOM.

Beliau berkata, ketika ini banyak inisiatif untuk menggalakkan inovasi, namun kebanyakannya tidak saling berkaitan sehingga wujud jurang, antaranya dalam mendapatkan dana, kemudahan mengakses dan persijilan kawal se-

lia sehingga menyebabkan PKS berhadapan kesukaran dalam mengakses ekosistem inovasi negara.

"PlatCOM direka untuk menghubungkan semua inisiatif inovasi sedia ada di bawah satu pentas dan memastikan kelancaran PKS untuk bergerak secara berperingkat dalam proses inovasi serta berhubung kait dengan pembiayaan peringkat awal.

"Program ini akan memberikan sokongan yang diperlu-

“**Program ini akan memberikan sokongan yang diperlukan daripada konsep pengkomersialan”**

Najib Razak  
Perdana Menteri

kan daripada konsep ke pengkomersialan. Ini akan dilakukan melalui penyediaan akses kepada bantuan teknikal, maklumat pasaran, kemudahan inkubasi, kemudahan ujian dan perkhidmatan lain yang berkaitan," katanya.

Hadir sama pada pelancaran itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Hafshah Hashim; Ketua Pegawai Eksekutif AIM, Mark Rozario dan Pengarah Eksekutif PlatCOM, Dr Viraj Perera.

## Tambah firma inovatif

Najib berkata, program yang diperkenalkan dijangka meningkatkan bilangan firma inovatif dan berprestasi tinggi sebagai sebahagian usaha meningkatkan sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 33 peratus sekarang kepada 41 peratus pada 2020.

Beliau turut memaklumkan bahawa AIM akan bekerjasama dengan sebuah institusi Jerman, Steinbeis, yang berkepakaran khusus menyelaras inovasi untuk membantu perusahaan baru termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta proses baharu perniagaan.